

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 21.5.2015**

**SOALAN :**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian program PT3 berbanding dengan sistem PBS dan cabaran utama yang dihadapi sepanjang perlaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) telah mula dilaksanakan pada tahun 2014 dan merupakan komponen Pentaksiran Pusat (PP) yang terdapat dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PT3 merupakan pentaksiran sumatif yang setara di Tingkatan 3 bagi menilai pencapaian akademik murid. Ini bermakna PT3 mentaksir aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai secara menyeluruh di peringkat menengah rendah. Pelaksanaan ini selari dengan anjakan pertama untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara bertaraf dunia seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Melalui PT3, murid diuji dengan soalan berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sebagai persediaan asas ke peringkat pengajian lebih tinggi.

Beberapa instrumen seperti ujian lisan diperkukuh dalam PT3 untuk memastikan murid bukan sahaja menguasai mata pelajaran terbabit secara bertulis malah secara lisan. Pelbagai instrumen pentaksiran lain seperti kajian kes/lapangan turut digunakan supaya murid benar-benar menguasai aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi mata pelajaran yang dipelajari. Sejumlah 20 hingga 25 peratus elemen KBAT sudah diserapkan dalam tugasan PT3 bertujuan mentaksir kemahiran kognitif seperti menganalisis, menilai, mereka cipta dan kemahiran mengaplikasikan pengetahuan kepada situasi lain dan ianya selaras dengan *Trends in International Mathematics and Science Studies* (TIMSS) serta *Programme for International Student Assessment* (PISA).

Cabaran utama dalam pelaksanaan PT3 ialah kesediaan guru dan murid dalam mengadaptasi soalan KBAT. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan penambahbaikan bagi menangani cabaran tersebut, iaitu:

1. Penghasilan buku exemplar KBAT bagi sekolah rendah dan menengah.
2. Memantapkan dokumen Pentadbiran dan Penjaminan Kualiti.
3. Modul latihan pemeriksaan skrip.
4. Latihan guru dalam pembinaan item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

RJM27